

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 DISEMBER 2015 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sembilan gempa susulan di Kalimantan sehingga petang ini	BERNAMA
2.	Dua lagi gempa bumi landa Tarakan, Indonesia	BERNAMA
3.	Dua gempa bumi lemah landa Barat daya Tawau, Sabah	BERNAMA
4.	Air dari loji rawatan di Kuantan selamat di minum	BERNAMA
5.	Bantu komersial produk usahawan PKS	Berita Harian
6.	SIRIM helps SMES produce high-quality products	New Straits Times



Sembilan Gempa Susulan Di Kalimantan Sehingga Petang Ini



TAWAU, 22 Dis (bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia \(JMM\)](#) merekodkan sembilan gegaran susulan sehingga petang ini di Kalimantan ekoran gempa bumi bermagnitud 6.2 pada skala Richter yang melanda wilayah Indonesia itu awal pagi semalam.

Menurut laman web jabatan berkenaan, gegaran 3.1 pada skala Richter dikesan pada pukul 12.07 pagi, 4.2 (8.01 pagi), 4.6 (8.18 pagi), 3.4 (8.20 pagi), 3.4 (10.55 pagi), 3.2 (11.07 pagi) dan 3.1 pada (11.30 pagi).

Kesemua pusat gempa berkenaan berlaku di antara 34-38 darjah Utara dan 116-119 darjah Timur dengan jarak antara 22-50 kilometer di Timur Laut Tarakan atau 90-105 kilometer di Barat Daya Tawau.

Rata-rata penduduk Tawau yang ditemui bagaimanapun berkata mereka cuma dapat merasai gegaran yang berlaku pada jam 8.18 pagi.

Kakitangan kerajaan yang bertugas di Wisma Persekutuan di Sabindo antara yang bergegas meninggalkan bangunan sebaik sahaja merasai gegaran itu.

Seorang pegawai kerajaan di Wisma Persekutuan, Rosma Wadin, berkata ketika kejadian dia baru memulakan tugas bila mendengar arahan agar mengosongkan pejabat.

"Ketika itu saya merasa gegaran. Beberapa minit kemudian, pengumuman dikeluarkan oleh pengurusan bangunan meminta kami keluar bangunan kerana gegaran berlaku akibat gempa," katanya kepada Bernama.

Sementara itu, Imram Mokhsin, 45, seorang kakitangan Majlis Perbandaran Tawau, berkata ketika kejadian dia sedang bertugas bersama rakan setugas di pejabat bila tiba-tiba pejabat bergegar.

"Semua kakitangan dan orang awam yang sedang berurusan di pejabat diminta keluar bangunan," katanya.

Seorang kakitangan kerajaan yang enggan namanya disiarkan pula berkata, beliau tidak menyedari kejadian gempa hari ini kerana ketika itu dia sedang memandu kenderaannya.

"Ketika sampai di pejabat saya melihat ramai orang berada di luar pejabat. Saya dah agak mesti gempa lagi ni," katanya.

Bagaimanapun penduduk Tawau yang ditemui bersyukur kerana gempa ini tidak melibatkan kerosakan harta benda atau kehilangan nyawa.

Sementara itu, dua lagi gempa bumi kecil dilaporkan melanda wilayah Tarakan di Kalimantan sehingga pukul 3 petang ini.

JMM dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berlaku pada pukul 1.21 petang dan 2.28 petang masing-masing dengan magnitud 3.3 dan 3.6 pada skala Richter, kira-kira 60 hingga 90 kilometer barat daya Tawau di Sabah.

"Gegaran mungkin dirasakan di Tawau namun gempa itu tidak membawa ancaman tsunami," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Dua Lagi Gempa Bumi Landa Tarakan, Indonesia

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Dua lagi gempa bumi melanda Tarakan, Indonesia berselang 12 minit pagi tadi, masing-masing berukuran 3.4 dan 3.2 pada skala Richter.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata gempa bumi pertama berlaku di 25km timur laut Tarakan dan 105km barat daya Tawau, Sabah pada 10.55 pagi.

Gempa kedua pula dilaporkan berlaku di 60km barat daya Tawau pada pukul 11.07 pagi.

Kenyataan itu menyebut gegaran mungkin dirasai di Tawau namun gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Dua Gempa Bumi Lemah Landa Barat Daya Tawau, Sabah

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Dua gempa bumi melanda berselang 17 minit pagi ini, masing-masing berukuran 4.2 dan 4.6 pada skala Richter, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Kenyataan jabatan itu hari ini menyebut gempa bumi pertama berpusat di 46km timur laut Tarakan, Indonesia, dan 80km barat daya Tawau, Sabah, pada 8.01 pagi.

Ini disusuli dengan gempa kedua berpusat di 22km utara Tarakan, dan 105km barat daya Tawau, pada 8.18 pagi.

Kenyataan itu menyebut gegaran mungkin dirasakan di Tawau namun gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Air Dari Loji Rawatan Di Kuantan Selamat Di Minum

KUANTAN, 22 Dis (Bernama) -- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini memberi jaminan air dari 10 buah loji rawatan air (LRA) di daerah ini termasuk tiga yang terletak di kawasan perlombongan bauksit selamat untuk diminum.

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata KKM sentiasa mengambil berat terhadap kualiti air minum yang dibekalkan kepada pengguna dengan pelaksanaan pemantauan secara berjadual menerusi Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM).

"Penduduk Kuantan tidak perlu khuatir mengenai kualiti air minuman yang dirawat di loji-loji berkenaan kerana kita sentiasa memantau kualiti air terawat yang dibekalkan dengan meningkatkan kekerapan persampelan di kawasan muka sauk (intake) dan di kawasan loji yang terlibat.

"Ia termasuk mengadakan ujian untuk pengesanan kanduangan plumbum dua kali sebulan dan ujian pengesanan aluminium empat kali sebulan.

"Jika ada sebarang ketidakpatuhan ke atas kualiti air minum dikesan, pihak pengurusan loji akan segera dimaklumkan untuk mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada Jumaat lepas mengenai terdapat kandungan toksin dalam air yang dirawat di loji rawatan air di Bukit Goh, Bukit Sagu dan Semambu yang dikatakan berpunca daripada aktiviti perlombongan bauksit di kawasan itu.

Beliau berkata setakat ini sebanyak 62 sampel air terawat yang dibekalkan daripada LRA Semambu, Bukit Sagu dan Bukit Goh telah diambil oleh KKM.

Sampel-sampel air itu, katanya dianalisis oleh [Jabatan Kimia Malaysia](#) dan keputusan analisis menunjukkan bahawa semua sampel mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh KKM iaitu 0.01mg/l.

"Bagi ujian pengesanan aluminium yang tidak dikategorikan sebagai logam berat, sebanyak 180 sampel air terawat daripada LRA yang sama telah dianalisis setakat ini dan didapati 89.6 peratus sampel tersebut mematuhi Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh KKM.

-- BERNAMA

Bantu komersial produk usahawan PKS

SIRIM Berhad (SIRIM) sentiasa membuka jalan kepada usahawan perusahaan kecil sederhana (PKS) membangunkan inovasi dan teknologi dalam meningkatkan ekonomi negara.

Sebagai institusi penyelidikan perindustrian, SIRIM menyediakan pelbagai latihan dan aktiviti dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berterusan sehingga produk dan inovasi usahawan berjaya dikomersialkan.

Sepanjang tahun 2015, fokus SIRIM berteraskan strategi pengukuhan dalam penyelidikan supaya lebih efektif bagi membantu PKS mengendalikan projek pembangunan teknologi.

Fokus keperluan industri

Justeru, bagi mengukuhkan aktiviti R&D di SIRIM, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi akan dikenali sebagai SIRIM Industrial Research (SIR) bermula pada tahun 2016, di mana fokus penyelidikan tertumpu kepada keperluan industri atau keperluan pasaran dan boleh dikomersialkan untuk meningkatkan produktiviti PKS dalam industri masa depan.

Naib Presiden Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi, Ir Dr Mohamad Jamil Sulaiman, berkata tiga fokus penyelidikan utama SIRIM adalah Flagship Tenaga dan Alam Sekitar, Flagship

Loji dan Mesin serta Flagship Teknologi Perubatan.

"Untuk Flagship Tenaga & Alam Sekitar, SIRIM menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi inovatif dalam mencari jalan untuk menangani perubahan iklim dan memastikan alam sekitar yang bersih melalui dan perkhidmatan di bawah tenaga boleh diperbaharui dan perlindungan alam sekitar turut diperbaharui dan dibahagikan kepada empat bidang keutamaan iaitu, penjanaan tenaga, penyimpanan tenaga, pembangunan produk Eko dan teknologi alam sekitar.

"Antara kejayaan dikecapi termasuk pembangunan teknologi sisa makanan kepada tenaga iaitu Simbiontea iaitu penghasilan Biogas daripada sisa makanan diaplikasi kepada penjanaan elektrik. Selain itu projek lain adalah kosmeseutikal semula jadi tempatan yang bukan menggunakan teknologi perubatan.

"SIRIM membangunkan penyelidikan dan pengujian produk kosmetik berasaskan herba dan hasil makanan tempatan seperti rumpai laut, curcumin dan hasil marin untuk meningkatkan industri kosmeseutikal dan peluang perniagaan kepada usahawan tani," katanya.

Bangun produk komersial

Mohamad Jamil berkata, Flagship

Teknologi Perubatan pula, menggabungkan inovasi berteknologi tinggi dalam tiga bidang fokus utama seperti sistem penyampaian ubat, implan atau prostesis dan peralatan perubatan termasuk peranti.

SIRIM berjaya membangunkan alat perubatan dan penjagaan kesihatan yang sedia untuk pengkomersialan.

Beliau berkata, flagship ketiga adalah Flagship Loji dan Mesin yang ditubuhkan untuk membantu usahawan dalam penghasilan produk dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi dan kepakaran. Antara kejayaan yang dikecapi termasuk projek PetroClamp, Y-Tee dan pembangunan komponen tempatan yang telah membantu mengurangkan kos pembelian komponen untuk sektor Minyak dan Gas.

Sedia teknologi, kepakaran industri

"SIRIM menyediakan teknologi dan kepakaran dalam reka bentuk model produk, faundri, reka bentuk mesin, reka bentuk loji dan sebagainya. Ia boleh digunakan untuk pelbagai industri termasuk pertanian, pembinaan, pembuatan dan pemasangan.

"SIRIM sebagai agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan meneruskan komitmennya mem-

bantu golongan berpendapatan rendah dengan melaksanakan projek sosioekonomi dan projek inovasi sosial MOSTI dengan menyediakan teknologi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi berasaskan komuniti," katanya.

Mohamad Jamil berkata, bagi perancangan tahun 2016, SIRIM komited dalam menyokong usaha kerajaan termasuk melalui SME Corp Malaysia untuk mencapai Pelan Induk dalam meningkatkan produktiviti PKS.

Utama penyelidikan

Pengauditan teknologi penting bagi memastikan produk yang dihasilkan bukan sekadar boleh dijual di pasaran tempatan tetapi berupaya melepasi garisan antarabangsa dan untuk ke arah itu, SIRIM akan memastikan produktiviti syarikat PKS sentiasa berterusan, katanya.

Katanya, SIRIM akan meneruskan kerjasama dengan Institut Fraunhofer, Jerman untuk meningkatkan pengambilan teknologi PKS dengan memberi penekanan kepada penyelidikan dan perkhidmatan teknikal, meneruskan audit teknologi dan penilaian ke atas industri untuk mengenal pasti jurang teknologi.

SIRIM juga menawarkan program Audit Teknologi kepada 170 syarikat tempatan selepas berjaya melepasi sasaran 150 syarikat PKS pada tahun ini.



"
SIRIM komited dalam menyokong usaha kerajaan untuk mencapai Pelan Induk dalam meningkatkan pertumbuhan dan produktiviti PKS"

Ir Dr Mohamad Jamil Sulaiman,
Naib Presiden Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi, SIRIM Berhad

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B3
TARIKH : 23 DISEMBER 2015 (RABU)

SIRIM HELPS SMES PRODUCE HIGH-QUALITY PRODUCTS

AMIR HISYAM RASID
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

SIRIM Bhd is committed to assist small and medium enterprises (SMEs) produce high-quality products. This year marked another milestone for the organisation as it has expanded its innovative offerings and solutions under its three flagships: Energy and Environment, Plant and Machinery as well as Medical Technology.

The organisation, which is an agency under the Ministry of Science, Technology & Innovation (Mosti) was brought into the limelight with 2015 Budget.

It is responsible for providing timely and focused research and innovative technologies that bring improvements, impacts and competitive advantages to the Malaysian industry.

The Research and Technology Innovation Division vice-president Dr Mohamad Jamil Sulaiman said backed by a team of engineers and scientists, SIRIM is responsible in evaluating research proposals and ensures the projects are relevant to the industry and have high potential for commercialisation.

"SIRIM will undertake more applied research and technology projects that will lead to the commercialisation of technology and will eventually improve SME's productivity through technology adoption and adaption," he said.

Under its Energy and Environment flagship, it has introduced its own Bio Natural Gas (BioNG) which burns a clean, blue flame that is at least 95 per cent CH₄ methane, with carbon diox-

ide, oxygen, nitrogen and hydrogen sulphide making up the rest.

"After eight years of research, SIRIM's palm oil mill effluent (POME) BioNG project is now ready for commercialisation. BioNG could have a green impact on not just one, but three of the country's most polluting industries," said Mohamad Jamil.

Other than that, SIRIM has also introduced SIMBIONTEA, a food waste to energy mechanism, and its own natural based cosmetics after intensive research and development (R&D).

Under its Plant and Machinery flagship, SIRIM contributed to the oil and gas sector with its PetroClamp and Y-Tee projects and components development as an effort to reduce the purchase of imported components for the sector.

SIRIM's Advanced Materials Research Centre (AMREC) pioneered R&D under its Medical and Technology flagship for the making of synthetic bone or bone graft substitutes for surgical applications called GranuMaS.

"GranuMaS has a similar chemical composition to the human bone mineral, making it an excellent option for bone defect repairs. It entered the Malaysian marketplace in 2010 under GranuLab (M) Sdn Bhd, the sole licensee of the innovation," said Mohamad Jamil.

Other than that, SIRIM's craniofacial biomodelling service helps surgeons fix broken skulls by designing bespoke titanium plates for every patient. SIRIM has provided surgeons with 3D biomodelling services — a three-dimensional imaging and rapid prototyping technologies.



SIRIM Research and Technology Innovation Division vice president **Dr Mohamad Jamil Sulaiman** says SIRIM evaluates research proposals and ensures the projects are relevant to the industry.

He added SIRIM also developed electro-plating method to turn plants and flowers into handicraft, a source of income for micro entrepreneurs.

Moving forward, Mohamad Jamil said SIRIM will continue its momentum in providing technology and services as a total solution to SMEs.

This includes enlarging engagement activities with the industry, sharing top SME success stories, continuing collaboration with the Fraunhofer Institute, Germany as well as continuing with the technology audit and assessment on industries to identify their gaps.

"Our target for 2016 is that we aim to achieve to get 170 companies for technology audit. This year we had exceeded our target of 150 companies for technology audit and that is very encouraging," he said.

In 2016, SIRIM Research and Technology Innovation Division will be rebranded to SIRIM Industrial Research (SIR) and the division is looking to strengthen its prominence in technology research internationally through World Association of Industrial and Technological Research Organisations, Global Research Alliance and collaborations with other prominent research institutes such as Industrial Technology Research Institute, Taiwan.

Mohamad Jamil said the rebranding is among the steps taken to reposition SIRIM's activities to be more effective to meet the needs of the industry and SMEs.

SIRIM has liaison offices located in almost every state. Industries/SMEs can visit the nearest SIRIM offices for assistance as each branch caters to the region's economic activities.

"Craniofacial deformities can occur due to physiological conditions for example cancer or abnormal bone growth or, far more common are nasty accidents," he said.

SIRIM is also committed towards assisting the lower income group by undertaking socio-economy projects and

Mosti social innovation projects, which provides technology to improve community-based economic activities.

"SIRIM has helped fishermen in providing lighting at the jetties. Their boats are also powered by solar energy developed by our scientists using lithium-ion batteries," said Mohamad Jamil.